



**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**ISU VIRAL DI MEDIA SOSIAL BERKAITAN PENGGUNAAN GAJAH
SANUM DAN MEKNA DI DALAM PERARAKAN PROGRAM
KOMUNITI MADANI KAMPUNG PASIR TUMBOH, KELANTAN**

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia mengambil maklum mengenai video tular di media sosial yang memaparkan penggunaan gajah dalam satu majlis di Pasir Tumboh, Kelantan.
2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan PERHILITAN sememangnya mempunyai Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* - SOP) Pengendalian Program Perarakan Gajah bertarikh 31 Disember 2016. Pada 25 Mei 2026, Jabatan PERHILITAN telah menerima permohonan pameran gajah dan hidupan liar sempena Program Komuniti MADANI di Kampung Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan Permit Khas yang bersidang pada 16

Jun 2026 telah meneliti dan meluluskan permohonan tersebut berdasarkan SOP yang telah ditetapkan.

3. Dimaklumkan juga bahawa pemeriksaan kesihatan gajah dan penentuan gajah yang dibawa telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN mematuhi SOP yang ditetapkan. Penilaian kebajikan gajah telah dijalankan sebelum, semasa dan selepas program tersebut sepanjang pengangkutan, penyediaan dan penggunaan gajah dalam majlis tersebut telah dilaksanakan.
4. Namun demikian, Jabatan PERHILITAN cakna dan prihatin di atas maklum balas daripada masyarakat sivil dan rakyat Malaysia secara umum berkenaan isu kebajikan gajah yang telah dibangkitkan. Justeru, Jabatan PERHILITAN akan menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas bagi mengkaji dan menambah baik undang-undang/SOP/prosedur sedia ada dengan pihak pemegang taruh.
5. Jabatan PERHILITAN juga akan merujuk kepada Unit Integriti Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Bahagian Penyiasatan Tatakelola, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu memperkemaskan SOP/prosedur sedia ada secara menyeluruh dan tuntas.
6. Sebagai jabatan yang telah dipertanggungjawabkan untuk memberi perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar, Jabatan PERHILITAN kekal komited dalam memelihara khazanah hidupan liar negara dan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada masyarakat umum.

7. Sehubungan dengan itu, orang awam digesa untuk bersama-sama memainkan peranan menyebarkan maklumat yang sahih dan tepat sahaja bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline 1-800-88-5151 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di laman sesawang rasmi www.wildlife.gov.my.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM

KETUA PENGARAH

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN
NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

30 JUN 2026